

# PSRM Kedah mahu Dr. M dan Musa menang tanpa lawan

ALOR SETAR, Ahad — Partai Sosialis Rakyat Malaysia (PSRM) hari ini menyuarakan harapannya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan timbalannya, Datuk Musa Hitam tidak akan ditentang dalam pilihanraya umum akan datang.

Seorang anggota sekretariat PSRM Kedah, Encik Ramlan bin Ahmad memberitahu Berita Harian, Datuk Seri Dr. Mahathir sebagai "bapa negara" telah banyak berkorban demi kepentingan negara.

"Begitu juga dengan Datuk Musa yang banyak berjasa kepada negara. Kami harap kedua-dua mereka akan menang tanpa bertanding," ujarnya.

Encik Ramlan juga menyeru lain-lain parti pembangkang termasuk PAS supaya jangan meletakkan calon-calon mereka untuk menentang Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa.

PSRM tambahnya, tetap tidak akan meletakkan calon untuk

mencabar kedua-dua tokoh itu.

"Memang tidak dapat dinafikan bahawa corak pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datuk Musa mementingkan keperluan rakyat," katanya.

## Pembebasan

"Rakyat juga sedar Perdana Menteri kita dan timbalannya telah berlaku adil dan bertimbang rasa terhadap parti-parti pembangkang," jelasnya.

Encik Ramlan berkata, hakikat ini terbukti dengan pembebasan tahanan-tahanan politik menjelang Hari Raya Puasa yang lalu.

Pengerusi Nasional PSRM, Encik Kassim Ahmad juga dibebaskan selepas ditahan selama lebih empat tahun.

Berita Harian difahamkan, Encik Kassim akan bertanding semula di kawasan Dewan Undangan Negeri Merbok dalam pilihanraya akan datang.

Encik Kassim bertanding di Merbok dalam pilihanraya tahun 1974, walaupun kalah tetapi berjaya mendapat 5,300 undi.